

# Wahana AKADEMIK



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 1 No. 1 ■ Jun 2002



*Hadiah  
Maj. 1*

- Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia  
Kaedah Pembolehubah Bertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960-Tahun 2000)
- Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal
- Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut
- How to Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques
- Key Success Factors of TQM Organizations : A Review of the Literature
- Language Enrichment Activities for Preparatory English
- Learning Styles Useful in Improving Students' Learning
- Malaysian Accounting Standards Overload?
- Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning :  
A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences
- Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar :  
Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
- Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan :  
Dari Perspektif Pengurusan Rekod
- Self Assessment : An Opportunity to Reduce Tax
- The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

*Hadiah*

**UiTM**  
**(KEDAH)**



## **KANDUNGAN**

Kata-kata Aluan Penaung	i
Kata-kata Aluan Penasihat	ii
Dari Ketua Penyunting	iii
Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia Kaedah Pembolehkan Tertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960 – Tahun 2000)	
<i>Kamal Bahrin Shamsuddin</i>	1
Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal	
<i>Wong Soon Heng</i>	14
Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut	
<i>Maznah Wan Omar</i>	21
How To Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques	
<i>Nik Muhd Naziman Ab Rahman</i>	30
Key Success Factors of TQM Organizations: A Review of the Literature	
<i>Prof. Madya Mohammad Zaki Ayob dan Prof. Madya Fatimah Mohd Saman</i>	38
Language Enrichment Activities for Preparatory English	
<i>Ho Chui Chui</i>	52
Learning Styles Useful in Improving Students' Learning	
<i>Mak Kem Seng</i>	58
Malaysian Accounting Standards Overload?	
<i>Mohd Azhar Osman C.A. (M)</i>	68

Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning: A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences

*Francis Xavier A.S. Rajoo* 76

Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

*Noor Saliza Zainal dan Normala Ismail* 87

Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad

*Noor Saliza Zainal* 101

Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan: Dari Perspektif Pengurusan Rekod 109

*Asmadi Mohammed Ghazali*

Self Assessment: An Opportunity to Reduce Tax

*Wan Faizah Wan Abdullah* 115

The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

*Nor Fadzlina Nawi* 122

## **KATA-KATA ALUAN PENAUUNG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah khasnya dan warga akademik UiTM Cawangan Kedah amnya kerana telah berjaya menerbitkan penerbitan pertama WAHANA AKADEMIK iaitu Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah. Usaha ini adalah sejajar dengan cabaran era globalisasi yang memerlukan keupayaan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu. Masyarakat yang tidak mempunyai ilmu akan terus ketinggalan dan terkebelakang dalam segala segi. Sebagai sebuah universiti, para pensyarah dapat memainkan peranan yang penting dalam menghadapi cabaran ini kerana ilmu yang diturunkan dalam bentuk penulisan dapat mengubah nasib sesebuah masyarakat. Oleh itu para pensyarah perlulah berusaha untuk melengkapkan diri dengan meningkatkan pengetahuan tentang bidang masing-masing serta komited dengan penulisan dan penerbitan.


Saya amat berharap kewujudan jurnal WAHANA AKADEMIK akan menjadi pemacu kepada percambahan dan pertumbuhan ilmu serta menjadi saluran utama kepada penerbitan pensyarah UiTM khasnya UiTM Cawangan Kedah.

Saya juga berharap penerbitan jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga kampus UiTM khasnya dan masyarakat amnya dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi khazanah ilmu.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas di atas kejayaan menerbitkan WAHANA AKADEMIK.

Sekian. Terima kasih.

Wassalam.



**Prof. Madya Dr. Zaliha bt. Hj. Hussin**  
*Pengarah Kampus  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## **KATA-KATA ALUAN PENASIHAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah di atas usaha menerbitkan WAHANA AKADEMIK. Penerbitan jurnal ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang mahukan setiap rakyatnya mempunyai ilmu pengetahuan.

Kegiatan penulisan dalam pembentukan profesyen seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi adalah sangat penting. Ini adalah kerana dengan melibatkan diri di dalam penulisan akademik, pensyarah dapat menunjukkan bahawa ia sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dan berkemampuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang ahli akademik. Walau pun sibuk dengan beban pengajaran yang banyak, tetapi pensyarah tidak wajar menjadikannya sebagai alasan untuk tidak terlibat dalam bidang penulisan. Oleh itu, saya menyeru agar pensyarah sekalian berusaha menjadikan penulisan sebagai satu budaya serta memainkan peranan dengan sebaik-baiknya bagi menyempurnakan kegiatan yang berfaedah ini.

Saya juga berharap agar pensyarah menggunakan peluang untuk mendalami ilmu, mengemukakan pendapat dan seterusnya menyebarkan pengetahuan melalui ruang yang disediakan oleh WAHANA AKADEMIK ini dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya penerbitan jurnal ini merupakan satu mekanisme yang dapat mempertingkatkan status akademik pensyarah UiTM Cawangan Kedah di mata masyarakat.

Sekian. Semoga segala usaha dan sumbangan bakti Jawatankuasa tuan/puan semua diberkati Allah S.W.T.

Wassalam.



**Zauyah bt. Abd. Razak**  
*Timbalan Pengarah Kampus  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## **DARI KETUA PENYUNTING**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur kepada Allah kerana penerbitan pertama 'WAHANA AKADEMIK,' iaitu jurnal akademik pertama Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah akhirnya dapat diterbitkan. Usaha untuk menerbitkan jurnal ini lahir daripada kesedaran bahawa budaya penulisan perlu dipupuk di kalangan ahli akademik. 'Wahana' yang bermakna alat untuk melahirkan atau menyampaikan fikiran atau pendapat diharap akan dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik dalam usaha untuk menyalur dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan pelbagai bidang akademik kepada pembaca.

Semua pihak dialu-alukan untuk mengemukakan karya penulisan dan penyelidikan yang belum pernah diterbitkan untuk dimuatkan di dalam jurnal ini. Penulisan boleh dibuat dalam bentuk karya asal penyelidikan, kajian kes, ulasan artikel, pendapat dan lain-lain bentuk penulisan akademik daripada berbagai disiplin pengajian.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua penyumbang-penyumbang artikel bagi penerbitan sulung ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penaung, penasihat, ahli jawatankuasa jurnal, semua pensyarah serta kakitangan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses menerbitkan jurnal ini. Tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama tersebut, penerbitan ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

***Wan Faizah bt. Wan Abdullah***

# PERBANKAN ISLAM: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

NOOR SALIZA ZAINAL

*Pensyarah Pendidikan Islam  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan sistem perbankan Islam serta Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Tujuan penulisan adalah untuk melihat takrif, objektif dan kedudukan perbankan Islam masa kini. Penulisan ini juga bertujuan untuk mengenalpasti asas penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), prinsip-prinsip Syariah yang diamalkannya, sumber dan kegunaan dana Bank Islam.*

**Kata Kunci :** *Bank Islam, Asas, Prinsip, Dana*

## SISTEM PERBANKAN ISLAM

Perbankan Islam ditakrifkan sebagai satu sistem perbankan yang selaras dengan Islam. Manakala perbankan tanpa faedah adalah konsep mekanikal yang merujuk kepada kaedah-kaedah perbankan yang menghapuskan kadar faedah. Seterusnya sistem perbankan Islam diharap bukan sahaja menghindari faedah tetapi juga melibatkan diri secara aktif untuk mencapai matlamat serta objektif ekonomi Islam (Sudin Haron, 1995).

Dari segi objektif penubuhan, bank Islam adalah berbeza dengan bank konvensional. Bank Islam mempunyai objektif yang berlandaskan kepada faktor agama dan keuntungan. Berdasarkan objektif ini bank Islam perlu mengikut dan mematuhi prinsip-prinsip Islam. Objektif ini akan membentuk bank Islam menjadi sebuah organisasi yang mementingkan moral. Faktor keuntungan juga menjadi pegangan bank Islam kerana ia juga merupakan sebuah organisasi perniagaan yang sepatutnya menghasilkan keuntungan (Sudin Haron, 1997).

Sejak dari tahun 1950an lagi, para sarjana Islam telah berusaha melaksanakan sistem perbankan Islam. Gabungan pemikiran dan idea dari golongan ulamak serta professional telah membantu kelancaran pelaksanaan perbankan Islam. Keburukan sistem perbankan yang berteraskan riba membuatkan keinginan umat Islam untuk beralih kepada sistem perbankan Islam menjadi semakin kuat di serata dunia. Sama seperti umat Islam lain, umat Islam di Malaysia juga berhasrat ingin mengamalkan prinsip dan amalan Syariah dalam aktiviti perbankan dan kewangan. Matlamat itu hanya menjadi kenyataan apabila tertubuhnya bank Islam yang pertama di Mesir pada tahun 1963, diikuti oleh penubuhan Bank Pembangunan Islam di Jeddah pada tahun 1974 dan Bank Islam Dubai sebagai bank perdagangan Islam yang pertama pada tahun 1975. Seterusnya diikuti oleh pembukaan beberapa buah bank dan institusi kewangan Islam di negara-negara Islam lain,

termasuk Malaysia. Golongan cendekiawan melihat pertumbuhan dalam sektor ini sebagai sangat membanggakan (The Banker, Oktober 1997).

Mengikut laporan International Association Of Islamic Banks (IAIB):

*“sehingga akhir 1996, bilangan bank dan institusi kewangan Islam telah mencapai 166 buah di tiga puluh empat negara di seluruh dunia, dengan jumlah modal berbayar sebanyak US\$7.3 ribu juta, jumlah aset US\$137 ribu juta dan keuntungan bersih bagi tahun terakhir operasi sebanyak US\$1,683 juta”* (The Banker, Februari 1998).

### **PENUBUHAN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)**

Usaha untuk menubuhkan sebuah bank Islam di Malaysia bertitik tolak dari resolusi dalam Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980. Seterusnya satu seminar yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1981, para peserta mendesak kerajaan mewujudkan satu undang-undang khusus bagi membolehkan penubuhan bank Islam. Cadangan mengenai penubuhan bank Islam juga dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuk sarjana Islam, ahli akademik, persatuan-persatuan Islam dan orang perseorangan. Bagi memenuhi hasrat ini kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan pada 30 Julai 1981 untuk mengkaji secara mendalam tentang penubuhan bank tersebut. Jawatankuasa tersebut telah mengkaji operasi Faisal Islamic Bank (Mesir) dan Faisal Islamic Bank di Sudan (Connors, 1988). Kertas laporan telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 5 Julai 1982 (BIMB, 1984). Berdasarkan sokongan positif yang diberikan oleh Jawatankuasa tersebut, Akta Bank Islam telah dikemukakan dan diluluskan di Parlimen pada tahun 1983. Dengan adanya Akta tersebut, dapatlah sebuah bank Islam ditubuhkan. Seksyen 2 Akta Bank Islam mentakrifkan perbankan Islam sebagai:

*“...perniagaan perbankan yang mana matlamat dan operasinya tidak melibatkan sebarang elemen yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam.”*

Akta tersebut juga memperuntukkan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menyelia dan menyediakan peraturan kepada bank Islam.

Bank Islam Malaysia Berhad telah ditubuhkan pada 1 Mac 1983 dengan modal berbayar sebanyak RM80 juta. Kerajaan Malaysia telah menyediakan modal sebanyak RM30 juta dan bakinya oleh Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan badan-badan kerajaan lain. Bank memulakan operasinya pada 1 Julai tahun yang sama. Jumlah aset BIMB telah bertambah dengan pesat sekali, dari RM325.5 juta pada tahun 1984 kepada RM1,396 juta pada tahun 1990 dan seterusnya mencapai RM987 pada tahun 1999. Dari segi jumlah cawangan pula, BIMB sekarang mempunyai jumlah cawangan lebih daripada lapan puluh buah. BIMB kini menawarkan lebih empat puluh produk yang kesemuanya dihasilkan melalui kajian dan penyelidikan terperinci. Perkembangan dalam BIMB telah membolehkan industri perbankan Islam di Malaysia bergerak lebih ke depan dengan memperkenalkan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada Mac 1993.



Oleh itu, pada Ogos 1993, sepuluh institusi kewangan telah menubuhkan kaunter perbankan Islam. Antara institusi tersebut adalah DCB Bank, Perwira Habib Bank, Kwong Yik Bank, BBMB Kewangan dan Standard Chartered Bank. Bank Negara kemudiannya telah mengarahkan pertukaran SPTF kepada Sistem Perbankan Islam (SPI) bermula pada 1 Disember 1998. Seterusnya bank Islam kedua iaitu Bank Bumi-Muamalat Malaysia Berhad telah ditubuhkan pada 8 Februari 1999. Kemunculan bank Islam kedua ini akan memberikan satu persaingan yang sihat terhadap BIMB. Sungguhpun sekarang ini terdapat lebih 50 institusi perbankan yang menyertai SPI, persaingan dalam erti kata sebenarnya belum wujud kerana operasi perbankan SPI terbatas kepada operasi kaunter/jendela dan cawangan perbankan Islam sahaja.

Objektif korporat bank ini adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan urusan bank dan perkhidmatan kepada seluruh rakyat Malaysia dan khususnya umat Islam mengikut prinsip dan muamalat Islam. Selain ahli-ahli Lembaga Pengarah, Akta Bank Islam juga memperuntukan kuasa mandatori kepada Majlis Pengawasan Syariah dalam melaksanakan operasi bank. Tujuan majlis adalah untuk menasihati bank supaya operasinya tidak terlibat dengan unsur-unsur yang tidak dibenarkan oleh Islam.

#### **PRINSIP-PRINSIP SHARIAH**

Bagi menjayakan operasi bank Islam, berbagai prinsip muamalat Islam digunakan sebagai ganti kepada kadar faedah. Prinsip yang berbeza digunakan bagi produk atau perkhidmatan yang berbeza. Prinsip-prinsip Syariah ini boleh dikategorikan kepada empat, iaitu kongsisama untung-rugi; berdasarkan yuran; komisen, bayaran tetap; dan prinsip-prinsip lain (Sudin Haron, 1995). Di antara prinsip-prinsip tersebut adalah :

(a) al Wadiah

Perjanjian di mana pemilik meletakkan harta untuk dijaga oleh bank. Seterusnya bank dengan keizinan pemilik boleh menggunakan harta tersebut dan segala faedah serta risiko akan ditanggung sepenuhnya oleh bank tersebut. Walau bagaimanapun pemilik bebas mengeluarkan harta tersebut bila-bila masa yang dikehendakinya.

(b) al Mudharabah

Kontrak di antara pemilik modal dan pengusaha di mana pemilik modal bersetuju membiayai sepenuhnya sesuatu projek atau pelaburan. Pengusaha pula bersetuju mengusahakannya secara berkongsi untung dengan pembahagian yang dipersetujui bersama. Sebarang kerugian yang berlaku akan ditanggung kesemuanya oleh pemilik modal, kecuali jika ianya diakibatkan oleh kecuaiian atau penyelewengan pengusaha.

(c) al Musyarakah

Prinsip Musyarakah yang berkaitan dengan perbankan ialah '*inan syarikat mal'* atau perkongsian pelaburan kewangan terhad atau penyertaan pembiayaan. Oleh itu, Musyarakah adalah perjanjian usahasama di antara dua pihak untuk melakukan aktiviti perniagaan untuk tujuan keuntungan. Berdasarkan prinsip ini kedua-dua pihak yang terlibat akan

mengeluarkan modal dan mengambil bahagian dalam pengurusan mengikut perjanjian. Pembahagian keuntungan akan ditetapkan dalam perjanjian, tetapi tidak semestinya mengikut jumlah modal.

(d) *al Murabahah*

Konsep jualan barang antara dua pihak, di mana keduanya bersetuju pada satu tingkat harga yang meliputi kos barang dan keuntungan. Di dalam keadaan konsep pinjaman digantikan dengan konsep perjanjian jualbeli barangan, pemberi pinjaman akan membeli barang yang dikehendaki oleh pengguna. Setelah itu barangan akan dijual kepada pengguna pada harga yang melebihi harga belian asal.

(e) *al Ijarah*

Kontrak atau jualan yang melibatkan pemilik harta dan penyewa, di mana pemilik harta membenarkan penyewa mengguna, memperolehi manfaat dan perkhidmatan dari harta tersebut. Sebagai balasan, penyewa akan membayar sewa seperti yang dipersetujui dalam perjanjian.

(f) *al Qarh al Hasan*

Pinjaman kebajikan di mana peminjam hanya perlu membayar semula jumlah wang yang dipinjam sahaja. Walau bagaimanapun, peminjam boleh mengikut budi bicaranya membayar lebih.

(g) *al Bai Bithaman Ajil*

Dalam kontrak ini bank akan membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan. Bank kemudiannya akan menjual barangan tersebut kepada pelanggan pada harga yang meliputi kos asal dan tambahan untung. Pembayaran boleh dilakukan secara ansuran mengikut harga dan tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian.

(h) *al Rahn*

Kontrak gadaian atau cagaran yang berkuatkuasa apabila harta berpindah tangan kepada pemegang gadaian. Walau bagaimanapun, hak milik harta masih kekal kepada pemilik asal. Pindahan hak milik berlaku dalam keadaan tertentu yang dinyatakan dalam perjanjian. Bank bertanggungjawab terhadap nilai terendah harta cagaran antara nilai harta atau hutang yang diberikan. Bank berhak menjual harta cagaran apabila hutang cukup tempoh dan menggunakan bakinya bagi menjelaskan hutang. Sekiranya baki wang tidak mencukupi, peminjam masih bertanggungjawab menjelaskan baki tersebut. Sebaliknya jika ada lebihan, ia merupakan satu amanah yang wajib dikembalikan kepada pihak pengadai.

(i) *Bai al Dayn*

Merupakan hutang yang wujud akibat kontrak jualbeli barangan yang boleh diniagakan. Dalam kontrak ini bank akan membeli hutang pelanggan mengikut kadar yang dipersetujui bersama.

Seterusnya adalah perbincangan mengenai aplikasi prinsip-prinsip tersebut dari segi sumber dana dan penggunaan dana.

## **SUMBER DANA**

Sumber dana bank Islam adalah terdiri daripada deposit-deposit yang diterima daripada pelanggan melalui empat jenis akaun:

(a) **Akaun Semasa**

Akaun ini berasaskan prinsip al Wadiah, di mana bank diamanahkan untuk menjaga keselamatan deposit pelanggan yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa yang dikehendaki. Bank dibenarkan menggunakan deposit tersebut. Manakala semua keuntungan dari penggunaan dana adalah menjadi hak bank.

(b) **Akaun Simpanan Wadiah**

Prosedur akaun ini adalah sama seperti Akaun Semasa. Walau bagaimanapun, dari segi keuntungan, bank boleh memberi sebahagian dari keuntungan yang diperolehi dari penggunaan baki Akaun Simpanan kepada penyimpan mengikut budi bicaranya.

(c) **Akaun Pelaburan Am**

Dalam akaun ini, bank menerima wang daripada pelanggan untuk tujuan pelaburan bagi tempoh tertentu berasaskan prinsip al Mudharabah. Keuntungan dari pelaburan akan dikongsi bersama antara bank dan pemegang akaun. Sekiranya berlaku kerugian, pemegang akaun akan menanggung kesemua kerugian tersebut. Walau bagaimanapun, pelanggan tidak berhak mencampuri pengurusan pelaburan wang tersebut.

(d) **Akaun Pelaburan Khas**

Melalui akaun ini, bank akan menerima deposit daripada pelanggan sama ada dari sektor kerajaan atau terpilih di bawah prinsip al Mudharabah. Kontrak ini membenarkan perundingan di antara bank dengan pelanggan berkenaan dengan nisbah pembahagian untung dan cara pelaburan modal.

(e) **Akaun Pelaburan Mudharabah**

Akaun ini merupakan akaun pelaburan yang diubahsuai sebagai akaun simpanan diurus di bawah prinsip Mudharabah. Akaun ini akan menawarkan pulangan pelaburan, kemudahan akaun simpanan dan manfaat Pelan Takaful Keluarga Berkelompok. Di samping itu, pelanggan juga diberi perlindungan dua puluh empat jam sehari di seluruh dunia jika berlaku kematian.

## **KEGUNAAN DANA**

Bank Islam menggunakan dana untuk membiayai pelbagai projek pelanggan melalui prinsip-prinsip Syariah. Kemudahan-kemudahan pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut :

(a) **Pembiayaan Projek di bawah Prinsip Al Mudharabah**

Dalam kontrak ini bank bertindak sebagai pemilik keseluruhan modal dan pelanggan sebagai pengurus projek. Oleh itu, pihak bank tidak berhak

mencampuri pengurusan projek. Dari sudut keuntungan pula, pembahagian adalah mengikut nisbah yang dipersetujui bersama. Manakala kerugian pula ditanggung sepenuhnya oleh bank.

- (b) **Pembiayaan Projek di bawah Prinsip Al Musyarakah**  
Bank berkongsi modal dengan pelanggan mengikut nisbah yang dipersetujui dan kedua-dua pihak berhak mengambil bahagian dalam pengurusan projek. Keuntungan dari projek akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui tetapi tidak semestinya sama dengan nisbah modal. Sekiranya berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh kedua-dua pihak mengikut nisbah sumbangan modal masing-masing.
- (c) **Pembiayaan Memiliki Harta di bawah Prinsip Al Bai Bithaman Aji**  
Bank memberi pembiayaan kepada pelanggan yang ingin memiliki harta tetapi ingin menangguhkan bayaran atau menjelaskannya secara ansuran. Bank akan menentukan keperluan pelanggan dari segi tempoh dan cara bayaran. Bank akan membeli harta tersebut dan kemudian menjualnya kepada pelanggan pada harga yang dipersetujui bersama, meliputi kos asal harta dan tambahan untung.
- (d) **Pembiayaan Khidmat Penggunaan Harta di bawah Prinsip Al Ijarah**  
Pembiayaan ini memerlukan bank terlebih dahulu membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan. Bank akan menyewakan harta tersebut kepada pelanggan mengikut tempoh, kadar sewaan serta syarat-syarat lain yang dipersetujui bersama.
- (e) **Pembiayaan Penggunaan dan seterusnya Pemilikan Harta di bawah Prinsip Ijarah Thumma Al bai**  
Prosedurnya adalah sama seperti (d) di atas. Perbezaan kontrak ialah wujudnya persetujuan kedua-dua pihak bahawa di akhir tempoh sewaan, pelanggan akan membeli harta pada harga yang dipersetujui. Sewa yang telah dibayar merupakan sebahagian daripada harga tersebut.
- (f) **Pinjaman Kebajikan di Bawah Prinsip Al Qard al Hasan**  
Bank menggunakan bahagian tertentu dari dananya untuk memberi pinjaman bagi menjalankan projek-projek ekonomi yang bermanfaat. Kontrak ini mensyaratkan peminjam hanya membayar balik pinjaman pokok.

Selain daripada pembiayaan-pembiayaan di atas, bank Islam juga menyediakan kemudahan-kemudahan pembiayaan perdagangan seperti berikut:

- (a) **Surat Kredit Al Wakalah**  
Pelanggan dikehendaki menyimpan sejumlah deposit yang sama dengan harga barang yang hendak dibeli atau diimport sebelum satu surat kredit dapat dikeluarkan. Pelanggan juga diperlukan membayar yuran dan komisyen kepada bank kerana menyediakan kemudahan tersebut.

- (b) **Surat Kredit Al Musyarakah**  
Bank mewujudkan usahasama dengan pelanggan untuk mengimport barang-barang melalui pengeluaran surat kredit. Pelanggan juga diperlukan menyimpan sejumlah deposit yang dipersetujui ke atas sebahagian kos barang yang ingin diimport. Keuntungan daripada urusniaga akan dibahagikan di antara bank dan pelanggan mengikut perjanjian.
- (c) **Surat Kredit Al Murabahah**  
Pelanggan bersetuju untuk membeli barangan yang diimport daripada bank. Bank akan mengeluarkan surat kredit dan menyelesaikan pembayaran kepada bank koresponden menggunakan dananya sendiri. Bank kemudian menjual barang tersebut kepada pelanggan pada harga yang merangkumi kos dan keuntungan. Pembayaran balik oleh pelanggan kepada bank dibuat sama ada secara tunai atau ansuran.
- (d) **Surat Jaminan Al Kafalah**  
Di bawah prinsip al kafalah, bank akan mengeluarkan surat jaminan kepada pelanggan. Kontrak ini mensyaratkan pelanggan menyimpan sejumlah deposit tertentu di bank sebagai satu cagaran ke atas jaminan yang diberikan.
- (e) **Pembiayaan Modal Pusingan di bawah Prinsip Al Mudharabah**  
Bank akan membeli atau melantik pelanggan sebagai wakil untuk membeli keperluan modal pusingan dan membayar dengan dananya sendiri. Seterusnya bank akan menjual barang tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui meliputi harga asal dan untung. Pembayaran dibuat secara tangguh dalam tempoh yang ditentukan.
- (f) **Pengsekuritian dan Bil Penerimaan Islam (IAB-Import)**  
Bank mengeluarkan Bil Pertukaran dan dipersetujui oleh pelanggan pada amaun harga jualan bank sepenuhnya. Pelanggan perlu menjelaskannya pada tarikh matang pembiayaan berkenaan.
- (g) **Pengsekuritian dan Pembiayaan Eksport (IAB-Eksport)**  
Pelanggan mengemukakan dokumen-dokumen eksport untuk dibeli oleh bank. Kemudian bank akan meminta pengeksport mengeluarkan satu Bil Pertukaran lain ke atas bank (untuk dibayar oleh bank).
- (h) **Pembiayaan Semula Kredit Eksport**  
Bank meminta pelanggan mengeluarkan Bil Pertukaran yang dijadikan 'lien' kepada Bil Penerimaan Islam Eksport. Bil ini akan dikenali sebagai Bil Pertukaran Gantian. Kemudian Bil ini akan dijual kepada Bank Negara Malaysia pada kadar pembiayaan semula yang istimewa.

## **KESIMPULAN**

Pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia adalah manifestasi keperluan masyarakat kepada sistem muamalat Islam khususnya di sektor

perbankan dan kewangan Islam. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai pelopor perbankan Islam telah berjaya memperkenalkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam kepada masyarakat serta menjadi model terbaik kepada seluruh institusi kewangan dan perbankan di Malaysia. Keberkesanan fungsi dan perkhidmatan Bank Islam juga telah memantapkan kedudukan sistem kewangan Islam.

## RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani. 1999. *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur. JAKIM.
- Ainley, M. October 1997. *Islamic Banking of Regulation*. The Banker. 73
- BIMB. 1984. *Bank Islam: Organisasi dan Operasi*. Kuala Lumpur. Bank Islam Malaysia Berhad.
- BIMB. 1994. *Islamic Banking: From The Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur. Bank Islam Malaysia Berhad.
- BIMB. 1996. *Bank Islam: Organisasi dan Operasi*. Kuala Lumpur. Bank Islam Malaysia Berhad.
- Connors, J. 1988. Towards a System of Islamic Finance in Malaysia. Dalam *Islamic Law and Finance*. Ed. Chibli Mallat. London. Graham and Trotham. 57 68
- Khan, M. Fahim. 1983. Islamic Banking as Practiced in the World. In *Money and Banking in Islam*. Ziauddin Ahmed et. al. Ed. Islamabad. Institute Of Policy Studies. 185 199
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2000. Laporan Ekonomi 2000/2001. Jilid 2.
- Muhamed Ariff. 1989. Islamic Banking in Malaysia: Framework, Performance and Lessons. *Journal of Islamic Economics* 2 : 67 78
- Sudin Haron & Bala Shanmugam. 1997. *Islamic Banking Systems, Concepts and Applications*. Kuala Lumpur. Petanduk Publications.
- Sudin Haron. 1996. *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Sudin Haron. 1995. Kertas Kerja yang dibentangkan pada Seminar Perbankan Islam (SPTF): 6 12